

# Golf: Mahathir minta laporan

DIJ 28 OCT 1992

PETALING JAYA, Selasa — Perdana Menteri meminta Mara Holdings Sdn Bhd mengemukakan laporan bagi menjelaskan soal pembelian 450 keahlian Kelab Rahman Putra bernilai \$28.35 juta pada harga \$63,000 setiap satu.

"Saya ingin tahu meng-apa pembelian itu dibuat, sama ada ia dirancang dengan baik, atau dibuat mengikut peraturan. Kadang-kadang walaupun dibuat mengikut peraturan, ia mungkin tidak bijak. Ini mesti diambil kira," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Monamad berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kilang Optical Communication Engineering Sdn Bhd (Opcom), di sini, hari ini.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata pada hakikatnya pembelian itu bertentangan dengan fungsi Mara sebagai badan yang diwujudkan untuk meningkatkan penguasaan Bumiputera dalam bidang pendidikan dan perniagaan.

"Pada hakikatnya memang begitu, tetapi kita ingin tahu apa sebab sebenar pembelian itu dibuat. Setakat ini, saya tidak tahu secara terperinci," katanya.

Menurut sumber, pembelian itu diluluskan Pengerusi Mara, Tamrin Ghafar dan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor, pada paras harga yang lebih rendah daripada yang disebut.

Kelab Rahman Putra di

Sungai Buloh, dekat sini, adalah padang golf 36 lubang di kawasan seluas kira-kira 114 hektar.

Dilaporkan keahlian kelab itu dilancarkan pada harga \$12,500 setiap satu dan kini yuran keahlian perseorangan ialah \$60,000, manakala keahlian korporat \$70,000.

Ada kalangan berpendapat tindakan Mara itu adalah strategi pelaburan yang tidak bijak kerana mereka menghadapi kesukaran menjual semula semua 450 keahlian itu, kerana ia lebih tinggi berbanding beberapa kelab golf tempatan yang lain.

Pengerusi Mara, Tamrin Ghafar ketika ditemui di Parlimen hari ini berkata soal untung atau rugi pelaburan Mara dalam

pembelian keahlian kelab itu hanya boleh dijelaskan oleh Mara Holdings Sdn Bhd.

Menurutnya, beliau tidak akan membuat sebarang kenyataan mengenai kewajaran serta untung atau rugi pelaburan itu kerana isu berkenaan sudah dijelaskan melalui media massa oleh Menteri Perusahaan Awam, Dr Yusof, kelmarin.

"Oleh kerana Dr Yusof sudah membuat kenyataan akhbar, saya enggan beri komen.

"Jika diperlukan juga, saya akan minta Mara Holdings membuat penjelasan mengenai untung rugi pembelian keahlian Kelab Rahman Putra ini," katanya.

Menjawab soalan sama

ada pembelian itu sebagai pelaburan wajar, Tamrin berkata: "Biar Mara Holdings buat kenyataan. Bagi saya, apa juga pelaburan kita (Mara) buat, kita sudah buat kajian dan penelitian."

Sementara itu, seorang ahli kanan Kelab Golf Rahman Putra berpendapat adalah sukar mendapatkan pembeli keahlian kelab itu disebabkan harganya jauh lebih tinggi berbanding kelab lain.

"Kebanyakan kelab golf lain yang mempunyai 18 lubang menawarkan harga jauh lebih rendah. Saya tidak fikir ramai peminat golf mahu bermain di padang 36 lubang di kelab itu kerana padang 18 lubang sudah memalai," katanya.